

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD

SOALAN : NO. 402

Tuan Idris Bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan statistik peminjam PTPTN yang bankrap sejak tahun 2010 hingga 2016 mengikut bangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 September 2017, dua orang peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah diambil tindakan kebankrapan daripada 125,257 orang peminjam yang dikenakan tindakan saman. Tindakan saman atau membawa peminjam ke mahkamah merupakan tindakan terakhir yang diambil oleh PTPTN setelah pelbagai peringatan diberikan.